

# KENYATAAN AKHBAR

## KECEMERLANGAN PENGGIAT PEMBINAAN TERKEMUKA DIKTIRAF DI MCIEA 2017

*Ahmad Zaki menang besar dengan 3 anugerah industri termasuk Anugerah Tokoh Jurubina berprestij*

**Kuala Lumpur, 15 September 2017:** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia mengiktiraf pencapaian 26 penggiat industri dengan Anugerah Kecemerlangan Industri Pembinaan Malaysia (MCIEA) 2017 yang menyaksikan Ahmad Zaki Resources Berhad muncul pemenang terbesar meraih tiga daripada 26 anugerah termasuk Anugerah Tokoh Jurubina.

Sementara itu, kapten-kapten industri yang mendahului senarai anugerah ialah Dato' Nur Haizi Abdul Hai, Pengarah Bebas Bukan Eksekutif TRC Synergy Berhad yang menerima Anugerah Construction Leading Lady Award, Dato' Ir. Dr. Gue See Sew, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan G&P Professionals yang diumumkan pemenang Anugerah CEO dan Datuk Azlan Abdul Karim, Ketua Pegawai Eksekutif Putrajaya Holdings Sdn Bhd yang dipilih menerima Anugerah Tokoh Terkemuka.

Diperkenalkan oleh CIDB Malaysia pada 2000, MCIEA 2017 merupakan kali ke-17 berlangsungnya anugerah industri tersebut yang membabitkan individu, pertubuhan dan projek-projek yang telah menyumbang dan menampilkan kecemerlangan dalam meningkatkan imej, prestasi dan menambahbaik industri pembinaan.

Tetamu kehormat pada majlis penyampaian MCIEA 2017 ialah **Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya**. Turut hadir **Datuk Rosnah Binti Haji Abdul Rashid Shirlin, Timbalan Menteri Kerja Raya**, **Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya**, **Tan Sri Dr. Ir. Ahmad Tajuddin Ali, Penggerusi CIDB Malaysia** dan **Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia**.

Berucap pada majlis tersebut, **Dato' Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia** berkata: "Memandangkan sektor pembinaan telah membangun dengan begitu cepat dari tahun ke tahun, transformasi ekonomi Malaysia yang pesat memerlukan sektor pembinaan yang terus maju dan mempertingkatkan keupayaannya."

“CIDB Malaysia sangat menggalakkan sektor pembinaan melakukan transformasi yang benar-benar dan bermakna dan terus kekal sebagai tulang belakang pembangunan sosioekonomi Malaysia. Melalui MCIEA, kami ingin mengiktiraf sumbang-sumbangan penggiat industri yang telah meningkatkan pencapaian mereka dan kini menjadi teladan dalam industri melalui kecemerlangan mereka dalam industri pembinaan,” tambah beliau.

Di Majlis MCIEA 2017, Menara Kerja Raya yang merupakan ibu pejabat Kementerian Kerja Raya, berjaya memenangi Anugerah Projek Terbaik (Bangunan) – Besar. Bangunan 37-tingkat tersebut turut memenangi Anugerah Industri Hijau dan merupakan bangunan pertama yang mencapai pemarkahan skor lima bagi Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool (MyCREST). Menara Kerja Raya telah dibina oleh Ahmad Zaki Resources Berhad.

Pengiktirafan pencapaian tinggi penggiat industri pembinaan merupakan sebahagian usaha CIDB untuk mentransformasikan sektor pembinaan tempatan dengan menggalakkan persaingan sihat yang akan secara langsung atau tidak langsung membawa kepada peningkatan daya upaya mereka bagi mentransformasikan sektor pembinaan Malaysia menjadi sangat moden, produktif dan mampan selaras dengan Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2016-2020.

Para pemenang anugerah MCIEA 2017 dipilih oleh panel hakim yang terdiri daripada pemimpin industri, pakar dan veteran yang dihormati dan berpengalaman luas dalam industri. Mereka termasuk **Tan Sri Dato’ Dr. Ir. Jamilus Hussein** (KLIA Premier Holding Sdn Bhd), **Dato’ Ir. Mohtar Musri** (Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia), **Datuk Awang Buhtaman Awang Mahmun** (Sedafiat Sdn Bhd), **Dato’ Sri Kandan Kanagainthiram** (KPK Quantity Surveyors (Semenanjung) Sdn Bhd), **Datuk Ir. Rosaline Ganendra** (Minconsult Sdn Bhd), **Tuan Hj. Ir. Alhadi Ibrahim** (Konsortium Malaysia), dan **Ir. Prem Kumar** (Association of Consulting Engineering).

Antara pemenang utama yang lain adalah MMC-Gamuda KVMRT Sdn Bhd (Projek Infrastruktur Terbaik – Besar), Eversendai Corporation Berhad (Anugerah Pencapaian Antarabangsa), Pembinaan Mitrajaya Sdn Bhd (Anugerah Keselamatan dan Kesihatan) dan Setia Precast Sdn Bhd (Anugerah Sistem Pembinaan Berindustri).

Sila rujuk lampiran untuk senarai penuh kategori dan pemenang MCIEA 2017.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my)

---

### ***Mengenai CIDB***

*Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.*

---